


Timba ilmu atas kapal

Nazdy Harun
rencana@hmetro.com.my



GAMBAR kenangan Muhammad Haziq (empat dari kanan) dan rakan-rakan di UMT.

"SAYA ingin menyampaikan ucapan tahniah buat semua rakan-rakan yang menerima skrol sempena sesi konvokesyen Universiti Malaysia Terengganu (UMT) kali ini. Walaupun tidak dapat hadir, saya tumpang gembira dan bangga dengan kejayaan anda semua.

"Terima kasih kepada ibu bapa, UMT termasuk pensyarah dan rakan-rakan yang banyak membantu saya hingga hari ini. Tahniah sekali lagi," kata Muhammad Haziq Nor Risam, 23, ketika ditemu bual melalui aplikasi WhatsApp.


Muhammad Haziq adalah pelajar jurusan Sarjana Muda Sains Nautika UMT pertama terpilih menjalani latihan pegawai kadet (cadetship) di atas kapal MT Eagle San Antonio milik MISC Marine.

Menurut Muhammad Haziq, dia tidak dapat hadir ke majlis konvokesyen disebabkan masih menjalani latihan pegawai kadet atas kapal berkenaan yang kini berada di Teluk Mexico, Amerika Syarikat.

Menurut anak kedua dari tiga beradik ini, pengetahuan dalam analisis letupan gas dan tumpahan minyak kapal tangki menggunakan perisian WebGNOME-NOAA (National Oceanic and Atmospheric Administration) dan Hazard identification, Consequence analysis, Risk assessment, Safety recommendation (PHAST-DNV) membolehkannya diterima menjalani latihan bersama syarikat MISC.

Katanya, syarikat perkapalan utama negara itu memberi peluang kepadanya untuk bekerja atas kapal MT Eagle San Antonio iaitu anak syarikat MISC Group dan beroperasi di perairan Amerika.

Muhammad Haziq berkata, dia kini masih menjalani latihan pegawai kadet dan akan menduduki peperiksaan pelesenan pegawai dek navigasi selepas cukup tempoh setahun pelayaran (seentimes).



"Alhamdulillah walaupun perasaan bercampur-baur, namun demi mengejar impian saya terpaksa akur tidak dapat sama-sama meraikan majlis konvokesyen kali ini.

"Dorongan ibu, Salinah Jam, 58, dan bapa, Risam Isman, 56, menjadi inspirasi buat saya dalam mengejar kejayaan hingga tahap ini," katanya yang berasal dari Dengkil, Selangor.

Katanya, di UMT juga dia terpilih menganggotai kumpulan projek kajian Marine Risk Assessment bersama pensyarah universiti berkenaan.

"Projek itu dijalankan dengan beberapa agensi dan syarikat maritim utama negara antaranya Petronas, MISC Maritime Services (MMS), Centre of Maritime Excellence (CME), Petroleum Geo-Services (PGS) Exploration (M), Mid Ports Holdings dan Darussalam Pilotage Services (DPS) iaitu sebuah syarikat dari Brunei," katanya.

Disiarkan pada: Oktober 28, 2024 @ 6:01am